

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmatNya jua telah mengizinkan kita semua bersama dan berhimpun di majlis pada petang ini, iaitu Majlis penyampaian sijil Post Graduate Diploma kepada para-para graduan kejuruteraan awam Kementerian Pembangunan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang diraikan kerana telah berjaya menamatkan pengajian **further learning programme pengambilan kedua**. Saya berharap semoga kejayaan ini akan dapat memberikan suntikan semangat kepada jurutera-jurutera dan pegawai-pegawai lain.

Para hadirin-hadirat yang dihormati sekalian

Kementerian pembangunan merupakan sebuah kementerian teknikal dan dipertanggungjawabkan ke atas tiga strategi kebangsaan yang digariskan di dalam wawasan Brunei 2035 iaitu pembangunan infrastruktur, guna tanah dan alam sekitar.

Oleh itu, buku perancangan strategik kementerian pembangunan 2018- 2023 dan buku kerangka dasar yang telah dilancarkan pada bulan jun 2018, menggariskan bidang-bidang utama yang dijadikan tindakan-tindakan prioriti serta menjadi panduan kepada warga kementerian pembangunan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

Sayugia saya mengingatkan bahawa sumber tenaga manusia memainkan peranan yang penting bagi merealisasikan visi dan misi sesebuah organisasi.

Oleh itu, kementerian pembangunan sentiasa berusaha untuk melaksanakan apa jua inisiatif bagi meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangannya. Pegawai dan kakitangan kementerian ini perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang relevan bagi meningkatkan kemahiran terutama sekali dalam bidang teknikal, pembinaan infrastruktur dan pengurusan projek bagi persediaan mereka untuk membolehkan diterima menjadi jurutera profesional yang berkelayakan dan bertauliah.

Sepertimana yang kita ketahui, kita masih menghadapi isu-isu teknikal dan pengurusan seperti kekurangan bekalan air, kerosakan jalan raya, banjir dan tanah susur yang disebabkan oleh bencana alam dan perubahan iklim. Isu-isu ini perlu ditangani dan diambil tindakan yang segera bagi memastikan kesejahteraan penduduk dan rakyat di Negara ini.

Oleh yang demikian, dengan adanya program ini ianya akan dapat meningkatkan profesionalisma dan kredibiliti para graduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan penyediaan infrastruktur keperluan asas seperti bekalan air, jalan raya, saliran dan pembedungan dapat diteruskan. Saya amatlah berharap hasil daripada program ini, para graduan bersedia untuk menyahut apa-apa jua cabaran yang akan dihadapi dan cekap dalam memberikan cadangan-cadangan yang inovatif serta bernas dan akan dapat membuat keputusan yang tepat dan bijak.

Dari segi kerjaya pula, saya percaya program ini juga dapat melengkapkan persediaan para graduan untuk menjadi professional engineer bagi membolehkan mereka menjawat jawatan yang lebih tinggi nanti. Ini adalah selaras dengan perancangan gantian (*succession planning*) Kementerian Pembangunan bagi mewujudkan kesinambungan pegawai yang berpotensi untuk menjadi pengganti/pelapis pengurusan tengah atau tertinggi yang memerlukan pegawai yang berkalibar, berpengalaman, berkemahiran serta berkelayakan memenuhi jawatan-jawatan yang berkaitan dengan bidang kerjaya masing-masing.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Saya amat berbesar hati dengan hubungan kerjasama yang telah wujud diantara Kementerian ini dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) melalui MOU yang telah dimeterai diantara Divisyen Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan dengan pihak UTB.

Saya berharap dengan adanya usaha kerjasama yang berterusan ini akan dapat melahirkan graduan-garaduan yang terlatih dan berpotensi tinggi bagi pembangunan kapasiti manusia dalam memastikan visi dan misi kementerian ini dan juga wawasan Brunei 2035 tercapai. Negara kita memerlukan pegawai-pegawai yang bertaraf profesional untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Dengan adanya hubungan kerjasama ini juga, adalah selaras dengan hasrat kementerian ini iaitu untuk mendokong budaya pembelajaran sepanjang hayat atau lebih dikenali sebagai *life long learning* yang mana ini adalah penting untuk meningkatkan kemahiran sumber tenaga manusia.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Naib Chanselor Universiti Teknologi Brunei, dan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi Brunei yang terlibat yang telah memberi sokongan yang kuat bagi menjayakan program ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada ketua-ketua jabatan atas bimbingan dan sokongan padu yang diberikan secara berterusan kepada para graduan program ini. Terima kasih ini juga diucapkan kepada Divisyen Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung ataupun tidak dalam sama-sama menjayakan pengendalian program ini dan mengadakan majlis penyampaian sijil kepada para graduan kejuruteraan awam yang telah menamatkan pengajian FLP pengambilan kedua bagi kementerian pembangunan pada petang ini.

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih ke atas kehadiran jemputan-jemputan khas, ketua-ketua jabatan serta ketua-ketua divisyen/ unit dan kepada para graduan yang diraikan, saya ucapkan semoga apa yang diperolehi akan dapat memberi manfaat dan dapat meningkatkan semangat gigih untuk melaksanakan tugas masing-masing.

Sekian,

Wabillahitaufiq wal hidayah wassalamualaikum wbt

Dan salam sejahtera.